

Kembalikan Hang Tuah Ke Tempatnya

HARON DAUD

PENGENALAN

Sikap bangsa Melayu yang tidak membaca sejarah dan tidak mengerti sejarah bangsa sendiri menjadikannya satu bangsa yang daif, lemah dan senang ditipu. Apakah keadaan nasib bangsa Melayu yang bersikap negatif ini apabila berhadapan dengan kepesatan kemajuan sains dan teknologi khususnya dalam bidang teknologi maklumat (TM) yang akan mengheret negara-negara di seluruh dunia, termasuk Malaysia, ke dalam arus globalisasi dirasakan bagai ledakan besar dalam abad ke-21? Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun akan berfungsi sebagai pemegang teraju dalam menentukan hala tuju negara-negara membangun dan miskin. Dengan itu sekaligus kedaulatan dan keunggulan sesebuah bangsa dan negara akan tercabar atau goyah kecuali negara-negara yang mempunyai jati diri yang unggul dan negara bangsanya dibina dengan mantap. Menyedari kemungkinan itu makalah ini cuba mengetengahkan pemikiran berhubung dengan pengunggulan jatidiri dan pembinaan negarabangsa Melayu yang menurut Hassan Ahmad sudah dibina oleh pemikir, seniman bijak bistari, dan bijaksana bangsa Melayu dahulukala melalui khazanah kesusasteraan Melayu tradisional seperti *Sulalatus Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah* (2001: 42). Sehubungan itu perbincangan ini akan berdasarkan teks-teks tersebut.

IMEJ HANG JEBAT DAN JATIDIRI BANGSA MELAYU

Berbicara tentang jatidiri bangsa Melayu mahu atau tidak kita perlu meneliti *Hikayat Hang Tuah* yang merupakan satu-satunya karya epik Melayu. Pemikir agung iaitu pengarang hikayat tersebut yang tidak diketahui namanya telah menonjolkan seorang wira bangsa yang perlu dicontohi oleh setiap orang Melayu khasnya dan bangsa lain amnya. Masalahnya dalam hikayat tersebut terdapat dua watak penting iaitu Hang Tuah dan Hang Jebat, siapakah di antara mereka yang menjadi wira

bangsa? Pada masa ini penerimaan masyarakat terhadap Hang Tuah sebagai wira bangsa Melayu semakin luntur, sebaliknya Hang Jebat yang dianggap wira. Dalam hal ini kita (para sarjana yang tidak mempunyai kepentingan ideologi dan politik) harus berfikir secara bijak dan matang apabila memilih dan menentukan wira yang satu itu. Pemilihan sudah pasti berdasarkan *Hikayat Hang Tuah* (dalam perbincangan ini digunakan versi Dewan Bahasa dan Pustaka yang diselenggarakan oleh Kassim Ahmad) dan dibantu oleh *Sulalatus Salatin* (diselenggara oleh A. Samad Ahmad) kerana teks-teks lain yang menonjolkan imej Tuah-Jebat, terutama berbentuk drama, tidak wajar digunakan sebab kebanyakannya tidak lagi 'murni', sebaliknya lebih merupakan luahan fikiran dan kemahuan pengarang untuk disesuaikan dengan kehendak dan fahaman mereka, contohnya karya Ali Aziz berjudul *Hang Jebat Menderhaka* dan *Matinya Seorang Pahlawan - Jebat* oleh Usman Awang.

Imej Hang Jebat dalam pemikiran dan penerimaan orang Melayu berubah-ubah mengikut zaman dan kehendak masyarakat. Pada zaman tadisional Hang Jebat dianggap penderhaka yang dibenci oleh masyarakat. Namun dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an (mungkin hingga kini) tanpa disangsi lagi, Jebatlah yang menjadi wira bangsa Melayu dan bukan Tuah (Muhammad Haji Salleh 1999:212). Soalnya sekarang yang berubah itu adakah imej Jebat itu sendiri atau tanggapan khalayak sahaja. Jawapannya ada pada *Hikayat Hang Tuah* dan teks-teks lain yang memancarkan imej Jebat serta tulisan para sarjana berhubung dengannya.

IMEJ JEBAT DALAM HIKAYAT HANG TUAH

Hang Jebat merupakan sahabat Hang Tuah yang paling rapat berbanding dengan Hang Lekir, Hang Lekiu dan Hang Kasturi. Menurut watak Patih Kerma Wijaya dalam teks *Hikayat Hang Tuah* (hlm : 322) bahawa kebolehan Hang Jebat sama dengan Hang Tuah berdasarkan pengakuannya iaitu 'barang yang tiada pada Laksamana tiadalah kepadanya Si Jebat itu'. Hubungan persahabatan yang erat dan kebolehan yang sama telah menimbulkan rasa kurang senang hati Hang Jebat apabila sahabatnya mendapat anugerah daripada raja. Sebolehnya mungkin dia mahu mendapatkan apa yang diperolehi Hang Tuah. Dalam usaha Hang Tuah menyusun strategi untuk menikam bunuh Megat Panji Alam di Inderapura, Hang Jebat membantah dengan alasan supaya Hang Tuah tidak dituduh oleh masyarakat, 'Lihatlah Laksamana itu hendak berbuat kebaktian seorang ke bawah Duli Yang Dipertuan' dan Hang Tuah akur dengan

berkata, 'Benarlah seperti bicara Tun Jebat itu, pada bicara hamba pun demikian'(teks hlm: 234) Hang Jebat melaksanakan tugas itu tanpa etika pertikaman seorang pahlawan kerana ia dan Hang Kasturi bersembunyi di balik pintu untuk bersama-sama menikam curi rusuk kanan Megat Panji Alam yang sedang membasuh kaki di anak tangga rumah Bendahara (teks hlm :237-238). Kejayaan pihak Melaka mengalahkan Megat Panji Alam dan pengikut-pengikutnya dari Terengganu membolehkan mereka mendapat anugerah Raja Melaka:

Maka raja pun menanggalkan segala pakaiannya daripada tubuh baginda dianugerahkan pada Laksamana dan memberi anugerah akan Hang Jebat, Hang Kasturi dan keris panjang Megat Terengganu dianugerahkan pada Hang Jebat, keris pandak itu pada Hang Kasturi; lembing bersampak emas itu diambil raja.(teks hlm. 241)

Sikap Hang Jebat yang cuba menyaingi atau mendapatkan sesuatu yang melebihi Hang Tuah tergambar dengan jelas dalam soal jawatan/gelaran. Jawatan Bentara Kiri bergelar 'Laksamana' yang disandang oleh Hang Tuah nampaknya 'dicemburui' oleh Hang Jebat kerana ia sungguh gembira apabila Raja Melaka memberikannya keris Taming Sari yang dirampas daripada Hang Tuah untuk dipakai. Serentak dengan itu hatinya berkata, 'Aku pula rupanya menjadi Laksamana' (teks hlm : 311). Sejak itu Hang Jebat 'menggambil alih' tugas Hang Tuah sebagai Laksamana termasuk melawan perajurit Majapahit seperti pengakuannya, 'Masakan Laksamana seorang hulubalang? Gerangan tiada. Si Jebatlah akan ganti Laksamana, jika ada musuh dan seteru Duli Yang Dipertuan' (teks hlm: 318). Lebu ketara lagi dalam hal gelaran Paduka Raja. Sebelum Hang Tuah 'dibunuh' kali kedua oleh Bendahara Paduka Raja, beliau berpesan kepada Hang Jebat:

Adapun pada firasat hamba dan penglihatan hamba, sepeninggalan hamba ini, saudaraku, jangan saudaraku menanggung nama Paduka Raja kerana Paduka Raja itu nama Bendahara; barang siapa menjadi Bendahara maka sahut bernama Paduka Raja itu (teks hlm:311)

Pesanan Hang Tuah itu bukan sahaja tidak diikuti oleh Hang Jebat, malah mendesak Raja Melaka supaya mempercepatkan pemberian gelaran itu tanpa menunggu kehadiran Bendahara dan Temenggung (teks hlm: 318). Dengan memakai gelaran Paduka Raja Hang Jebat boleh bermegah dengan kedudukannya bertaraf Bendahara yang jauh lebih tinggi berbanding Hang Tuah bertaraf Laksamana

KEDUDUKAN SEJARAH MELAYU SEBAGAI MASTERPIECE

Sulalatus Salatin atau *Sejarah Melayu* bukan sahaja menafaskan keagungan dan kegemilangan kerajaan Melayu Melaka serta Raja-raja Melayunya, malah mencerminkan kecemerlangan bangsa Melayu. Sejarah dan kebudayaan orang Melayu direkodkan dengan begitu sempurna sekali. Kesempurnaan inilah menyebabkan *Sejarah Melayu* dianggap sebagai 'the masterpiece of Malay traditional historiography'.⁴ Kemunculan *Sejarah Melayu* mula-mula sekali diketahui pada tahun 1708 iaitu kira-kira 292 tahun yang lalu apabila nama *Sejarah Melayu* kelihatan dalam buku Petrus van der Vorm yang bertajuk '*Introduction to the Malayan Vocabulary of Gueynier*'. Selain dari karya Petrus, nama *Sejarah Melayu* juga mendapat perhatian penting dalam penulisan-penulisan Barat seperti dalam karya Francois Valentijn pada kurun ke-18 yang berjudul *Sejarah Ringkas Hindia-Timur* (dahulu dan sekarang) (1726) dan William Marsden pada 1811, *A History of Sumatera* serta Netscher pada 1854.⁵ Namun demikian, hanya pada tahun 1821 *Sejarah Melayu* mendapat perhatian khas dari seorang sarjana Barat iaitu John Leyden, merupakan orang pertama yang menterjemahkan *Sejarah Melayu* ke dalam bahasa Inggeris. Hasil dari penerbitan ini, *Sejarah Melayu* dikatakan mendapat perhatian utama dari sarjana-sarjana Barat. Menurut Maier, 'since the publication of Leyden's translation in 1821, the work has gained so much authority that it has served as a standard for traditional Malay historiography'.⁶ Kemasyhuran dan keunggulan kedudukan *Sejarah Melayu* sebagai satu karya *standard* dapat disaksikan pada kurun ke-19 apabila *Sejarah Melayu* dijadikan sebagai satu bidang kajian tersendiri oleh beberapa penulis Barat dan Timur. Penulisan-penulisan yang memperkatakan tentang *Sejarah Melayu* sejak kurun ke-19 telah banyak menghiasi kepustakaan kita dan pada hari ini, *Sejarah Melayu* dianggap sebagai karya Melayu yang teragung dalam kebanyakan karya tradisional Melayu lain.

Sejarah Melayu sebagai satu karya tradisional sudah pasti mengandungi banyak catatan tentang nama, tempat dan peristiwa bersejarah yang dihuraikan dalam bentuk mitos dan legenda. Menurut Ali Ahmad, keseluruhan peristiwa baik yang benar atau tidak, dapat diberikan makna di dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu yang mempunyai adat dan kepercayaan sendiri. Menurut beliau lagi,

Apakah pengarang Sejarah Melayu tiada tujuan lain selain daripada sekadar mencatatkan nama-nama dan peristiwa-peristiwa yang dialami oleh kerajaan.

Hang Jebat bukan seorang penentang sistem pemerintahan beraja atau kezaliman. Semasa menduduki istana, beliau tidak pernah menghalau raja dan jauh sekali dari mengisytiharkan dirinya raja. Raja meninggalkan istana dan menetap di rumah Bendahara adalah atas nasihat isterinya Tun Teja. Hang Jebat begitu gembira dengan tindakan rajkerana dengan itu membolehkan dia berlagak sebagai raja:

Maka hari pun sianglah. Maka dilihat oleh Hang Jebat raja anak-beranak sudah undur dari istana. Maka ia pun terlalu sukacita lalu ia duduk di atas peterana yang keemasan tempat raja duduk itu. Maka biduan empat itu pun bernyanyilah, terlalu ramai makan minum dengan segala bunyi-bunyian. Maka Hang Jebat pun mandi berlangir pada pasu emas tempat raja mandi. Maka ia memakai bau-bauan; maka ia pun menyuruh mengambil peti pakaian raja itu. Maka diambilnya pakaian raja yang berpakankan emas itu dipakainya dan baju raja daripada rambutiti itu pun dipakainya. Maka dasar daripada emas yang berpermata itu dipakainya. Setelah sudah maka Si Jebat pun duduk di atas peterana yang keemasan. Maka nasi pun diangkat oranglah. Maka Hang Jebat pun makanlah seperti kelakuan raja santap; demikianlah kelakuannya. Setelah sudah makan maka Hang Jebat pun tidurlah pada tempat raja tidur itu. (teks hlm: 320)

Kalau raja mempunyai isteri lebih dari satu; memiliki ramai gundik dan dayang-dayang dikatakan tidak baik, apa bezanya dengan Hang Jebat yang bermukah dengan segala dayang-dayang, dengan biduanda dan gundik yang raja kasihi. Hendak dikatakan Hang Jebat melakukan zina itu sebagai alasan membalas dendam kononnya Hang Tuah yang tidak melakukan perbuatan sumbang dengan perempuan istana tetapi dihukum bunuh maka Hang Jebat benar-benar melakukannya, adalah sukar diterima kerana Hang Jebat memang seorang kaki perempuan dan penzina. Lama sebelum Hang Tuah dihukum bunuh dan Hang Jebat menduduki istana, dia sudah pun berzina sehingga perempuan itu mengandung anak luar nikah. Ini diakui sendiri oleh Hang Jebat sewaktu ia hampir mati ditikam Hang Tuah, 'Adapun diperhamba bermukah dengan Dang Baru, dayang-dayang Datuk Bendahara; maka sekarang ia bunting tujuh bulan....' (teks hlm: 351). Jika diperhatikan, jangka waktu antara Hang Tuah "dibunuh"

dengan kemunculannya semula, cuma empat bulan, sedangkan kendak Hang Jebat itu sudah mengandung tujuh bulan. Malah Hang Jebat bertindak lebih kejam apabila dia membunuh semua tujuh ratus orang perempuan istana apabila Hang Tuah datang untuk membunuhnya (teks hlm: 339) ditambah pula dengan amukannya dengan menikam bunuh sesiapa sahaja orang yang ditemuinya setelah perutnya ditikam oleh Hang Tuah, sedangkan Patih Kerma Wijaya dan kuncu-kuncunya yang bertanggungjawab ke atas 'kematian' Hang Tuah langsung tidak disentuh.

Hang Jebat bukan pembela sahabat, sebaliknya bertanggungjawab dalam mempercepatkan 'kematian' Hang Tuah. Sikap dan tindakan Hang Jebat yang diperkatakan tadi, jika dipadankan dengan apa yang tersirat dalam Hikayat Hang Tuah, seolah-olah dia suka kalau Hang Tuah dibunuh kerana dia amat menyedari bahawa Hang Tuah sahaja yang boleh membunuhnya dan itu pun mesti menggunakan keris Taming Sari. Hang Jebat mengakui hal itu ketika Hang Kasturi menemuinya untuk mengambil keris pusaka Bukit Siguntang kepunyaan raja yang ditinggalkan di istana.

Maka kata Hang Jebat, 'Tahulah aku akan keris ini diambilnya, bahawa keris ini tidak sekali-kali membunuh Si Jebat, kerana kematianku ini pada tangan Laksamana tersurat pada kerisnya. Sekarang Laksamana sudah mati, tambahan pula kerisnya ini beroleh ke tanganku; siapatah dapat membunuh aku? Hulubalang mana dapat membunuh aku dan dapat menentang matak?' (teks hlm: 335)

Menyedari hal itu, 'kematian' Hang Tuah membolehkan Hang Jebat melakukan apa sahaja sesuka hati, termasuk menduduki istana dan berlagak seperti raja. Tanggapan ini dibuat oleh banyak pihak dalam teks berkenaan. Perhatikan kata-kata seorang pegawai yang dihalang oleh Hang Jebat untuk masuk ke dalam istana, 'Oleh Laksamana tiada itulah maka berani Hang Jebat melakukan yang demikian barang kehendaknya di istana raja ini' (teks hlm:315). Pada tempat lain Tun Teja melahirkan pendapatnya kepada Raja Melaka, 'Jika ada Laksamana itu, masakan Si Jebat berani berbuat demikian seperti anak raja-raja'(teks hlm: 318). Dalam usaha membunuh Hang Jebat, Tun Utama dan Seri Bija Sura yang dititahkan oleh Raja Melaka untuk melaksanakan tugas itu telah meminta keris Taming Sari. Mereka mereka begitu kesal apabila diberitahu bahawa keris tersebut telah diberikan kepada Hang Jebat. Sambil menampar-nampar kepala, mereka berkata, 'Sayangnya keris Laksamana itu dianugerahkan pada Si Jebat derhaka itu. Harusnya maka ia melakukan dirinya demikian' (teks hlm: 319). Segala tanggapan tersebut terbukti

benar apabila Hang Jebat sendiri membuat pengakuan kepada Hang Kasturi, 'Kuperbuat demikian ini pun, kerana Laksamana tiada dalam dunia ini.' (teks hlm: 335-6).

Dalam pada itu mungkin masih ada tanggapan bahawa Hang Jebat melakukan penderhakaan itu kerana membela kematian sahabatnya, Hang Tuah, terutama berdasarkan kata-kata Hang Jebat kepada Hang Tuah sebelum mereka bertikam, 'Pada bicaraku, engkau tiada dalam dunia ini lagi. Jika aku tahu engkau ada hidup; demi Allah dan RasulNya, tiada aku berbuat pekerjaan yang demikian ini'(teks hlm: 339). Tapi kita harus ingat bahawa kata-kata tersebut juga boleh membawa maksud yang Hang Jebat tidak akan berbuat demikian sekiranya dia tahu Hang Tuah masih hidup sebab Hang Tuah pasti membunuhnya. Lagipun, sekiranya Hang Jebat melakukan penderhakaan itu kerana membela Hang Tuah, maka kata-kata atau sumpahnya harus berbunyi 'Demi Allah dan RasulNya, aku melakukan ini kerana membela kematian engkau ' yang senada dengan sumpahnya yang dia tidak mahu bertikam dengan Hang Kasturi, 'Demi Allah dan RasulNya, bahawa aku tidak mahu bertikam dengan saudaraku' (teks hlm: 323).

Alasan lain bahawa Hang Jebat tidak membela kematian Hang Tuah ialah Hang Jebat ketakutan apabila mendengar suara dan melihat Hang Tuah datang mendapatkan untuk bertikam,

Maka Laksamana pun berseru pula, katanya,'Hai Si Jebat derhaka! Sungguh kau berani tidak berlawan! Marilah engkau turun dari istana ini bertikam sama seorang.' Maka suara itu pun terdengar kepada Hang Jebat, dikenalnya suara Laksamana, maka dibukanya peranginan itu, maka dilihatnya Laksamana terdiri di tengah halaman itu. Maka Hang Jebat pun berdebar-debar hatinya.(teks hlm: 338)

Ketakutan itu tentunya menghantui Hang Jebat bukan sahaja kerana dia menderhaka, malah lebih dari itu ialah Hang Jebat yang bertanggungjawab dalam mempercepatkan Hang Tuah 'dihukum bunuh.' Mana tidaknya, semasa Raja Melaka memerintahkan Bendahara Paduka Raja supaya membuang (bermaksud membunuh) Hang Tuah, Hang Tuah bersama keluarga berada di dusunnya di hulu Melaka. Hang Jebatlah, bersama Hang Kasturi, yang pergi ke situ 'mengheret leher' Hang Tuah dan diserahkan kepada raja untuk dibunuh (teks hlm: 309). Sekiranya Hang Jebat seorang yang baik atau seorang pembela, sanggupkah dia berbuat begitu terhadap Hang Tuah, dan wajarkah dia membela seseorang yang dihukum mati, sedangkan dia sendiri yang menyerahkan orang itu untuk dihukum.

IMEJ HANG JEBAT YANG "DIMURNIKAN"

Sebuah karya sastera hanyalah ibarat sebuah bangunan yang sepi; pembacalah yang akan memberi erti kepada karya tersebut dan sebuah karya akan hidup setelah pembaca berjaya memberinya interpretasi (Abdul Rahman Napiah 1994: 21). Mungkin bertolak dari "kebenaran" ungkapan itu menyebabkan lahirnya berbagai-bagai tafsiran terhadap *Hikayat Hang Tuah* terutama dalam meletakkan wira bangsa - Tuah atau Jebat. Tafsiran baru ini dijemakan dalam dua bentuk utama iaitu skrip drama dan tulisan ilmiah. Makalah ini akan menumpukan perhatian pada beberapa pentafsiran baru itu yang 'memurnikan' Hang Jebat.

(a) Dalam Skrip Drama

Ali Aziz yang mendapat pendidikan Sosiologi di Universiti Malaya, Singapura telah memutar jarum jam Hang Jebat sebanyak 90 darjah yang dijemakan dalam karyanya Hang Jebat Menderhaka. Hang Jebat diletakkan sebagai wira bangsa yang memperjuangkan keadilan dan membela sahabat yang dizalimi raja. Watak isteri Hang Tuah dijadikan alat untuk menunjukkan kebenaran perjuangan Hang Jebat sehingga terjelma sifat 'kurang ajarnya' kerana menentang suami.

ISTERI

Hang Jebat itu menderhaka semata-mata untuk membela kau

HANG TUAH

Aku tidak mengerti

ISTERI

Apabila engkau dibunuh dengan kejam sebagai penderhaka oleh sultan yang telah memasang telinganya kepada bisikan pembesar-pembesar yang cemburu itu, dia sajalah yang taat setia kepada kau. Bila sahabat-sahabat kau yang lain sudah berpaling tadah, dia dan dia seorang sahaja yang telah menziarahi anak kita dan aku, anak yatim dan seorang balu penderhaka, begitulah gelaran mereka akan kami.

HANG TUAH

Ya, ya. Aku tahu semua itu

ISTERI

Dan engkau hendak pergi membunuhnya! Tahukah engkau bahawa dia sangat amarah akan tiap-tiap orang yang bertanggungjawab di atas hukuman kepada kau yang kejam itu, pembesar-pembesar yang cemburu, bendahara yang kejam dan sultan yang zalim itu? Apabila seteru-seteru kau telah makin lama makin megah sombong di atas perbuatan mereka menjatuhkan engkau itu, kemarahannya dan kebenciannya tidak dapat ditahan-tahan lagi. Dia telah mengamuk seorang diri di istana sultan pagi semalam. Dia berjuang dengan kekuatan yang diperoleh daripada rasa benci dan marah yang meluap-luap. Sultan dan permaisuri telah melarikan diri ke rumah bendahara. (Ali Aziz, 1986: 15-16)

Episod dan dialog di atas memang menarik. Menarik kerana manusia (wira) seperti itulah yang kita mahu kerana dia bukan sahaja memperjuangkan keadilan, lebih dari itu membela seorang sahabat dan keluarganya yang teraniaya. Malangnya, apa yang terungkap dalam episod itu merupakan sebuah penodaan terhadap *Hikayat Hang Tuah* dan watak Tuah-Jebat. Juga boleh dipersoalkan apakah Bendahara Paduka Raja seorang yang kejam. *Hikayat Hang Tuah* dengan jelas menunjukkan beliau seorang yang baik, dialah yang menyelamatkan Hang Tuah kerana dia tahu Hang Tuah tidak bersalah. Benarkah Hang Jebat sahaja yang mengambil berat tentang anak isteri Hang Tuah apabila Hang Tuah 'dibunuh'. Ini sekali lagi bercanggah dengan apa yang tergambar dalam *Hikayat Hang Tuah*. Dalam teks itu tidak pernah disebut Hang Jebat pergi ke rumah anak isteri Hang Tuah atau mengambil berat tentang mereka. Orang yang mengambil berat ialah Bendahara Paduka Raja. Sikap baik Bendahara itu menimbulkan rasa curiga Hang Jebat seperti yang terlahir dalam kata-katanya kepada Hang Kasturi, 'Adapun Laksamana itu sebagaimana maka Bendahara tiada kasih akan dia, kerana anaknya diangkat anak oleh Bendahara....Sebab itulah maka Bendahara tidak mahu membunuh Laksamana. Dalam pada itu pun, entah hidup, kerana Datuk Bendahara itu terlalu kasih akan dia'. (teks HHT, him: 317).

Selain Ali Aziz, Usman Awang juga seorang 'pemutar' watak Jebat untuk disesuaikan dengan perjuangan kemanusiaan sejabatnya. Beliau turut membina watak Hang Jebat sebagai seorang pejuang kebenaran dan menentang kezaliman. Dalam membuat pentafsiran begini, adalah dikuatiri Usman sendiri tidak memahami atau 'ingat-ingat lupa' tentang sejarah bangsanya kerana Usman ternyata amat keliru dengan nama Bendahara Melaka yang terlibat dalam dramanya, *Matinya Seorang Pahlawan* -

Jebat. Dalam Kata Pengantar untuk drama itu yang disampaikan dalam bahasa berirama, antaranya beliau menyebut:

Bendahara Seri Maharaja: gedung akal laut bicara
 Menerima titah dari dada murka Raja Melaka:
 “Hai mamak Bendahara, laksanakan titah kita
 segera buang Si Tuah derhaka
 kita tahu akan matinya jua!”
 (Usman Awang 1992: 18)

Mengapa Usman dikatakan keliru. Bendahara Seri Maharaja memanglah seorang Bendahara Melaka tetapi beliau tidak pernah dilibatkan dalam soal fitnah-hukuman ke atas Hang Tuah dan wujudnya dalam Sulalatus Salatin. Dalam teks itu, pembesar yang diperintahkan oleh Sultan Mansur Syah untuk membunuh Hang Tuah ialah Seri Nara Diraja Tun Tahir, saudara Temenggung Seri Maharaja Tun Mutahir. Waktu itu jawatan Bendahara disandang oleh Paduka Raja Tun Perak. Jika Usman merujuk pada *Hikayat Hang Tuah*, Bendaharanya ialah Paduka Raja (bukannya Seri Maharaja). Kekeliruan ini membawa konotasi yang kurang baik kerana kedua-dua watak Bendahara itu mempunyai perwatakan yang cukup berbeza.

Pada bahagian akhir Kata Pengantar itu Usman Awang cuba menarik perhatian khalayak khasnya dan masyarakat umum amnya, dengan membakar semangat mereka supaya menyokong dan membenarkan perjuangan Hang Jebat. Katanya:

Kerajaan Melaka berdetik dalam arus sejarah
 Diam-diam laksana harimau menghendap mangsa,
 Jebat bersumpah;
 Raja adil raja disembah
 Raja tak adil raja disanggah!
 (Usman Awang, 1992: 19)

Sebagai pembaca, kita gembira dengan slogan perjuangan Hang Jebat itu. Dan bagi semua manusia yang sukakan keamanan dan keadilan pastinya menyokong Hang Jebat kerana ia adalah satu kebenaran yang perlu ditegakkan. Malangnya slogan itu 'ciptaan' Usman semata-mata untuk disesuaikan dengan watak Hang Jebat yang 'dimurni'kannya kerana slogan tersebut sedikit pun tidak terdapat dalam Hikayat Hang Tuah dan jauh sekali dilafazkan oleh Hang Jebat. Bagi mengunggulkan jati diri Jebat yang 'dimurnikan'itu, Usman Awang menutup dramanya dengan dengan kata-kata Hang Jebat yang sedang berdarah kerana ditikam Hang

Tuah,

Hang Jebat: Hai orang-orang Melaka,
aku telah menentang kezaliman dengan darah,
darahku sendiri buat baik berpada-pada, kalaujahat, jahat sekali.
Darah ini mengalir, darahku bercucuran
hanya atas keyakinanku membela keadilan
dan untuk keadilan itulah pula darah ini kuberikan
(Usman Awang 1992: 42-43)

'Pemurnian' Hang Jebat turut dibuat oleh beberapa penulis skrip drama yang lain termasuk Dinsman dengan judul 'Jebat'dan Hatta Azad Khan menggunakan judul yang sama, 'Jebat'.'

(b) Dalam tulisan ilmiah

Sarjana terkenal yang melihat Hang Jebat dalam pendekatan baru (moden) ialah Kassim Ahmad yang juga pernah bergiat dalam politik-sosialis dan memegang jawatan Pengerusi *Parti Sosialis Rakyat Malaysia* (PSRM). Sesuai dengan fahaman Sosialisnya, Kassim cuba melihat pentingnya ada pertentangan kelas atau perlu wujudnya penentangan masyarakat bawahan (rakyat) terhadap golongan atasan yang bersifat feodal demi melahirkan sebuah masyarakat yang adil tanpa penindasan. Mengikut fahaman ini semua pihak yang bekerjasama dengan atau menyokong golongan aristokrat tidak boleh diberi tempat sebagaimana yang dilakukan oleh Hang Tuah. Wira bagi fahaman Sosialis, yang mirip Marxis, wira hendaklah datang daripada golongan bawahan menentang golongan atasan dan ia menang dalam penentangan itu. Setelah diteliti dalam *Hikayat Hang Tuah* hanya Hang Jebat yang “mencabar” raja dan menjadi penderhaka. Kelainan tindakan Hang Jebat itu telah ditafsirkan oleh Kassim Ahmad dan mereka yang sealiran dengannya bahawa Hang Jebat bukanlah seorang dalam zaman tradisional, atau boleh dimaksudkan yang dia seorang hero yang mendahului zaman kerana apa yang dilakukannya banyak mempunyai unsur kepahlawanan, namun ia gagal dalam perjuangan menegakkan kebenaran. Kassim menyifatkan kegagalan Hang Jebat itu ditentukan oleh zaman. Dia hendak memperhambakan diri pada dua cita-cita dalam satu masa iaitu ketaatan kepada tuan dan kesetiaan kepada sahabat, namun dia memilih yang kedua untuk berdiri teguh di sisi seorang sahabat hingga ke akhir dan dianggap sebagai pemberontak,

Jebat seorang pemberontak. Dia memberontak melawan susunan masyarakat feodal. Dia adalah pembawa zaman yang baru, suatu zaman yang berlainan sekali keadaannya. Ia adalah satu zaman, yang kalau dibandingkan dengan yang lalu itu, merupakan satu langkah ke hadapan ke tingkat demokrasi dari zaman kuasa mutlak raja-raja.... Jadi dia adalah seorang pemberontak kebangsaan dalam cara pemikirannya. Oleh sebab itu kita dapat menamakan dia sebagai seorang nabi dan pahlawan kebangsaan Melayu. (Kassim Ahmad, 1973: 41 - 42).

Apakah alasan atau petunjuk yang digunakan oleh Kassim Ahmad sehingga dapat mentafsirkan imej Hang Jebat sedemikian rupa adalah sukar dikesan dalam *Hikayat Hang Tuah*. Namun pandangannya itu diterima ramai sejak tahun 70-an hingga kini, terutama oleh generasi baru.

Di antara sarjana lain yang senada dengan Kassim Ahmad ialah Solehah Ishak yang bukan sahaja memerikan sifat Hang Jebat secara 'murni' malah mengetengahkan prinsip dan falsafah hidup watak itu. Menurutnya:

Kalau Hang Tuah mengabdikan prinsip-prinsip ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada seorang individu (raja), Jebat pula menggarapi prinsip-prinsip yang berbeza. Pertama dia akan hanya taat kepada raja jikalau raja itu baik dan cerdik. Dia tidak akan berlaku taat setia dengan membuta tuli sahaja. Jebat sekali-kali tidak akan patuh kepada hukuman dan norma-norma feodal. Falsafah hidup Jebat ialah: kebenaran dan kejujuran. Pada Jebat seorang pahlawan jati, seorang wira jati ialah orang yang percaya kepada kebenaran, tidak kira di mana sahaja dan tidak kira apa yang terlibat. (Lihat "Pengenalan," Matinya Seorang Pahlawan-Jebat)

Abdul Rahman Napiah (1994: 12) turut meletakkan Hang Jebat sebagai pahlawan Melayu yang berani menentang raja semata-mata kerana persahabatan. Beliau menyifatkan Hang Jebat sebagai satu-satunya manusia yang sanggup berdepan dengan raja dan memecahkan tradisi feodalisme iaitu 'pantang Melayu menderhaka' kerana Hang Jebat percaya apa yang dilakukannya adalah benar dan hak. Kewiraan Hang Jebat itu dicanang sama oleh Muhammad Haji Salleh (1999: 214-218) yang mengatakan Hang Jebat memiliki peribadi yang utuh dengan kesungguhan dalam segala reaksinya. Jebat memberontak menentang raja dan kezaliman. Jebat meninjau semua ini dari kaca mata seorang yang berfikir, yang berasaskan akal pemikiran, bukan hanya kepada

kemarahan emosi. Jadi, Hang Jebat menderhaka untuk menterbalikkan kuasa raja yang berada di puncak. Si penderhaka muncul menjadi raja baru, yang berkuasa memulihkan keadilan.

Meneliti pandangan, penafsiran dan ideologi yang “memurnikan” Hang Jebat itu menampakkan kepada kita bahawa perlu wujudnya seorang wira bangsa yang begitu ideal. Wira seperti itulah dirasakan dapat mengunggulkan jati diri bangsa Melayu. Masalahnya, seperti yang telah disebutkan sebelum ini, sifat-sifat yang baik dan unggul itu tidak terdapat dengan nyata pada watak Hang Jebat dalam *Hikayat Hang Tuah*. Jadi, Jebat yang manakah yang diketengahkan oleh pengarang dan penulis berkenaan. Apakah Jebat yang wujud dalam fikiran mereka atau seorang watak yang mempunyai sifat-sifat tersebut yang secara kebetulan dinamakan Hang Jebat?

IMEJ HANG TUAH DAN PEMBINAAN NEGARAKOTA

Perubahan pandangan masyarakat terhadap Hang Jebat yang mengangkatnya sebagai wira sekaligus mengketepikan Hang Tuah. Tuah bukan sahaja tidak lagi disanjung sebagai wira malah dicap sebagai “pengkianat” persahabatan, tidak ada sikap bertimbang rasa, tidak menegakkan keadilan, tidak waras dalam bertindak kerana setia kepada raja secara membabi buta. Malah ada yang mengcap Hang Tuah sebagai lanun, seorang pejuang yang kolot dan banyak lagi keburukan lain. Melontarkan idea dan pandangan sebegini memang mudah. Soalnya, sumber mana yang digunakan. Adakah drama dan tulisan sarjana yang disebut tadi atau beberapa filem Melayu? Sebab sifat-sifat negatif Hang Tuah itu sukar dikesan dalam *Hikayat Hang Tuah*.

Boleh dikatakan seluruh teks itu cuba memperlihatkan ketokohan seorang wira bangsa Melayu bernama Hang Tuah yang bertanggungjawab menjaga dan mengagungkan raja serta negarakota Melaka. Abdul Rahman Napiah yang pernah meletakkan Hang Jebat sebagai wira bangsa, tetapi dalam menilai watak Hang Tuah diberikan sifat-sifat baik yang mengatasi Hang Jebat. Menurutnya bahawa Hang Tuah merupakan seorang yang cukup bijak, pintar, tajam fikiran, jauh pandangan dan mempunyai banyak muslihat. Sebagai seorang hulubalang, Hang Tuah dikatakan seorang wira yang serba sempurna baik dari segi jasmani, rohani, pemikiran, tindakan dan cara berbudaya dengan orang lain, dan dalam setiap perlawanan, Hang Tuah akan mencapai kemenangan dan setiap kali menghadapi masalah dan rintangan dia berjaya mengatasinya (1994: 10-11). Secara ringkas dapat digalurkan bahawa Hang Tuah adalah

seorang yang:

- i. berilmu
- ii. pintar
- iii. perkasa
- iv. berani
- v. cekap
- vi. tidak pentingkan diri
- vii. setia

Sifat-sifat tersebut adalah berdasarkan apa yang tergambar dalam *Hikayat Hang Tuah*. Bagi memahami sifat-sifat berkenaan, kita harus mengetahui tujuan hikayat itu dikarang. Kemunculan Melaka sebagai sebuah negara kota dalam kurun ke-15 adalah satu fakta sejarah yang tidak boleh dinafikan. Sejarahnya yang menempuh zaman penubuhan, kemajuan, kemasyhuran dan kejatuhannya adalah satu sejarah yang menarik. Kejatuhan Melaka ke tangan Feringgi (Portugis) pada T.1511 telah menyebabkan perlunya dikarang *Sulalatus Salatin* untuk mencatatkan 'peri persetua dan peri petuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali' (A. Samad Ahmad 1979: 3). Dalam pada itu kerajaan-kerajaan Melayu termasuk Melaka di Johor, Kedah dan Aceh berusaha menawan semula Melaka, tetapi yang berjaya berbuat demikian ialah Belanda pada 1641. Kejatuhan Melaka ke tangan Belanda itu menjadi titik akhir pelenyapan negara kota Melaka. Namun begitu semangat juga dan rasa sayangkan negara kota masih ada, sekurang-kurangnya pada jiwa pengarang *Hikayat Hang Tuah*.

Pengarang hikayat itu cuba membina semula negara kota berdasarkan sejarah bangun-jatuhnya kerajaan Melayu Melaka. Raja Melaka yang ramai termasuk Raja Iskandar Syah hingga Mahmud Syah disatukan pada diri Sang Maniaka. Pembesar dan hulubalang yang baik-baik disatukan pada watak Hang Tuah dan yang tidak baik digabungkan pada watak Hang Jebat. Kalau kita perhatikan nama-nama Sang Maniaka, Hang Tuah, Hang Jebat dan sahabat mereka yang lain adalah nama-nama yang tidak lazim terdapat di Melaka atau digunakan oleh orang Melayu. Besar kemungkinan nama-nama tersebut adalah nama rekaan atau samaran sahaja. Kalau tanggapan itu boleh diterima pakai, tentunya pengarang *Hikayat Hang Tuah* mempunyai tujuannya sendiri. Mengikut sejarah, negara kota Melaka mencapai kegemilangan pada masa pemerintahan Sultan Mansur dan Alauddin yang banyak dibantu oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Pengarang *Hikayat Hang Tuah* mengambil

gelaran yang dipakai oleh Tun Perak sebagai nama Bendahara iaitu Paduka Raja. Sultan Mansor diambil sebagai model raja dalam karyanya bernama Sang Maniaka. Semua sifat baik pembesar dan hulubalang, terutama Tun Perak, diambil oleh pengarang dan dimasukkan ke dalam satu watak bernama Hang Tuah. Sebab itu Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* cukup berbeza dengan Hang Tuah dalam *Sulalatus Salatin*. Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* telah diberikan sifat-sifat yang jauh lebih baik seperti yang disebutkan di atas, yang merupakan lambang wira bangsa Melayu. Manakala segala sifat tamak, dengki, angkuh seperti yang ada pada Bendahara Tun Mutahir, Raja Mendaliar dan Kitol dimasukkan ke dalam watak Hang Jebat. Justeru kerana itu, pembinaan negarabangsa Melayu yang baik hendaklah mengikut model *Hikayat Hang Tuah*. Rajanya Sang Maniaka adalah seorang raja yang baik, tidak kejam, tidak zalim, tidak pentingkan nafsu seperti Sultan Mahmud. Raja itu tidak lagi dikaitkan dengan darah keturunan Keling seperti Raja Suran, atau paling jelas keturunan Mani Purindam. Sebaliknya Sang Manika dikaitkan Sang Sapurba, anak Sang Perta Dewa dari kayangan. Bendahara Paduka Raja dalam *Hikayat Hang Tuah* tentunya bukan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, anak Tun Ali atau cucu Mani Purindam berasal dari Benua Keling. Pengarang *Hikayat Hang Tuah* tidak memasukkan sifat-sifat Tun Mutahir dalam diri watak Bendahara Paduka Raja kerana Tun Mutahir mempunyai sifat tamak, pentingkan diri, angkuh, tidak setia kepada raja, menerima rasuah yang menyebabkan jatuhnya Melaka. Kejatuhan itu antara lain berpunca dari timbulnya perpecahan dan persengketaan di kalangan pembesar.

Kehadiran Tun Ali pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah menyebabkan orang Melayu berpecah dua, satu memihak kepada Tun Ali dan satu lagi Melayu jati memihak kepada Tun Perak. Manakala persengketaan yang ketara apabila Nina Sura Dewan bertelagah dengan Raja Mendaliar seterusnya melibatkan Tun Mutahir, Temenggung Khoja Hassan dan Sultan Mahmud. Bagi pengarang *Hikayat Hang Tuah* perbuatan atau tindakan yang tidak baik harus ditangani dengan bijak dan saksama, sebagaimana Hang Tuah menangani penderhakaan Hang Jebat.

PENUTUP

Orang Melayu memang sudah mempunyai jatidiri sejak zaman silam. Orang Melayu mempunyai negarakota sejak zaman silam lagi. Langkasuka, Kedah, Palembang dan Melaka adalah negarakota Melayu.

Mengapa masih timbul pertanyaan akan keupayaan Melayu? Sejak zaman penjajah hingga kini orang Melayu dikatakan malas, lemah, ketinggalan zaman dan lupa diri. Pada hari ini, apakah kerana penilaian dan pentafsiran jati diri Melayu itu berdasarkan Hang Jebat lalu dijadikan panduan hidup oleh semua golongan masyarakat generasi baru. Dalam hal ini adalah disarankan agar orang Melayu menggali sejarah bangsanya seperti yang diingatkan oleh Hassan Ahmad dan mereka harus mengungguli jatidiri yang benar-benar murni seperti yang dilakukan oleh Hang Tuah. Manakala Negarabangsa yang dibangunkan hendaklah berteraskan kebangsaan yang berlandaskan Islam. Rakyat hendaklah setia kepada pemerintah dan cintakan negara sebagaimana setianya Hang Tuah kepada raja dan Negeri Melaka. Pemerintah atau Khalifah hendaklah orang yang adil, amanah menaungi rakyat dengan saksama. Manakala para pemimpin atau pembesar hendaklah terdiri daripada mereka beriman; mencari harta untuk kerajaan (negara), bukannya untuk diri sendiri (Bukhari al-Jauhari 1992). Dalam pada itu orang Melayu jangan leka dengan slogan 'Takkan Melayu Hilang Di dunia' yang kononnya dilaungkan oleh Hang Tuah, sedangkan Hang Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah* tidak pernah menyebutnya.

BIBLIOGRAFI

- A.Samad Ahmad. (peny.), Sulalatus Salatin, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
- Abdul Rahman Napiah, Tuah-Jebat dalam drama Melayu: Satu kajian intertekstualiti, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994.
- Bukhari al-Jauhari, Taj Us-Salatin (peny. Khalid M. Hussain), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.
- Dinsman, Bukan bunuh diri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.
- Hassan Ahmad. 2001. 'Jati Diri Bangsa Dalam Karya Agung Melayu'. Dewan Budaya Jilid 23, Bil. 10. Oktober, hal: 42-43
- Kassim Ahmad, Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.
- Kassim Ahmad. (peny.), Hikayat Hang Tuah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.
- Muhammad Haji Salleh, Menyeberang sejarah (Kumpulan Esei Pilihan), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1999.
- Siti Aishah Murad (peny.), Konsep wira dalam Sastera Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993.
- Usman Awang, Matinya seorang pahlawan - Jebat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.